



EXCEL

PBD

MODUL PdPc & SPM

PRINSIP PERAKAUNAN

▷ Hooi Lai Wan



Tingkatan

4

KSSM



PBD
Mantap



Piawai
SPM



Input
Digital



PdPc
Abad ke-21

EXCEL

PEB

MODUL PdPC & SPM

Tingkatan

4

KSSM

PRINSIP PERAKAUNAN

▷ Hooi Lai Wan



**PENERBITAN
PELANGI** SDN. BHD.
(198201009396)

PENERBITAN PELANGI SDN. BHD. (198201009396)

WISMA PELANGI

Lot 8, Jalan P10/10, Kawasan Perusahaan Bangi,
43650 Bandar Baru Bangi, Selangor, Malaysia.

T: +603-8922 3993 E: customerservice@pelangibooks.com

© **PENERBITAN PELANGI SDN. BHD. 2026**

An ISO 9001:2015 QMS certified company

*Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran, atau ditukarkan dalam apa-apa bentuk atau dengan alat apa jua pun, sama ada dengan cara elektronik, sawat, gambar, rakaman atau sebagainya, tanpa kebenaran daripada **PENERBITAN PELANGI SDN. BHD.** terlebih dahulu.*

ISBN: 978-629-498-653-4






Cetakan Pertama 2026

Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd

Kandungan







MODUL 1 Pengenalan kepada Perakaunan 1

Nota Xpress Kod QR

- 1.1 Perakaunan, Subbidang Perakaunan, Kerjaya dan Badan Profesional  1
- 1.2 Sejarah Perakaunan dan Perkembangannya 7
- 1.3 Penyata Kewangan 8
- 1.4 Andaian, Prinsip dan Batasan dalam Perakaunan  11
- 1.5 Entiti Perniagaan    13
- Praktis SPM 1** 15






MODUL 2 Klasifikasi Akaun dan Persamaan Perakaunan 19



Nota Xpress Kod QR

- 2.1 Komponen Penyata Pendapatan dan Penyata Kedudukan Kewangan  19
- 2.2 Item Setiap Komponen Penyata Pendapatan dan Penyata Kedudukan Kewangan   20
- 2.3 Persamaan Perakaunan  24
- 2.4 Catatan Kontra dan Carta Akaun   28
- Praktis SPM 2** 30

MODUL 3 Dokumen Perniagaan sebagai Sumber Maklumat 37

Nota Xpress Kod QR

- 3.1 Dokumen Perniagaan    37
- 3.2 Dokumen Sumber   40

- 3.3 Dokumen Bukan Sumber   44
- Praktis SPM 3** 45






MODUL 4 Buku Catatan Pertama 51

Nota Xpress Kod QR

- 4.1 Buku Catatan Pertama  51
- 4.2 Jurnal Am  52
- 4.3 Jurnal Khas  54
- 4.4 Buku Tunai 58
- 4.5 Buku Tunai Runcit   59
- Praktis SPM 4** 66






MODUL 5 Lejar 77

Nota Xpress Kod QR

- 5.1 Lejar  77
- 5.2 Sistem Catatan Bergu   80
- 5.3 Akaun Kawalan   87
- Praktis SPM 5** 92






MODUL 6 Imbangan Duga 102

Nota Xpress Kod QR

- 6.1 Imbangan Duga    102
- 6.2 Hubungan antara Imbangan Duga, Inventori Akhir dan Penyata Kewangan   111
- Praktis SPM 6** 116






MODUL 7 **Penyata Kewangan Milikan Tunggal tanpa Pelarasan** 124





Nota Xpress Kod QR

- 7.1 Akaun Perdagangan dan Untung Rugi   **PPT** 124
- 7.2 Penyata Kedudukan Kewangan  127
- 7.3 Penutupan Akaun Hasil, Akaun Belanja dan Akaun Inventori pada Akhir Tempoh Kewangan   **Praktis PAK-21** 129
- Praktis SPM 7** 131

MODUL 8 **Pelarasan pada Tarikh Imbangan dan Penyediaan Penyata Kewangan Milikan Tunggal** 140




Nota Xpress Kod QR

- 8.1 Perakaunan Asas Tunai dan Perakaunan Asas Akruan serta Jenis-jenis Pelarasan  **PPT** 140
- 8.2 Pelarasan Akaun Nominal   **Praktis** 142
- 8.3 Hutang Lapuk, Hutang Lapuk Terpuh dan Peruntukan Hutang Ragu   **Praktis** 145
- 8.4 Susut Nilai dan Susut Nilai Terkumpul 151

- 8.5 Pelupusan Aset Bukan Semasa secara Tunai  **Praktis** 158
- 8.6 Imbangan Duga Terselaras  161
- 8.7 Penyata Kewangan dengan Pelarasan   **Praktis PAK-21** 162
- Praktis SPM 8** 164

MODUL 9 **Pembetulan Kesilapan** 177

Nota Xpress Kod QR

- 9.1 Pembetulan Kesilapan   **PAK-21 PPT** 177
- 9.2 Penyata Kewangan selepas Pembetulan Kesilapan  **Praktis** 182
- Praktis SPM 9** 183

Pentaksiran Akhir Tahun 190

JAWAPAN

<https://plus.pelangibooks.com/Resources/ExcelPBD/PPerakaunanT4/Jawapan.pdf>



1.1

Perakaunan, Subbidang Perakaunan, Kerjaya dan Badan Profesional

PBD Formatif

Buku Teks ms. 2 – 23

1. Isi tempat kosong dengan menggunakan perkataan yang sesuai.

TP 2

SP

1.1.1


Perakaunan merupakan perekodan (a) urus niaga kewangan yang berlaku dalam organisasi perniagaan dan bukan perniagaan secara (b) sistematik termasuk prestasi perniagaan, kedudukan kewangan, perancangan dan analisis kewangan.

2. (a) Lengkapkan rajah di bawah.

TP 4

SP

1.1.2



Nota Xpress



(b) Berdasarkan jawapan anda di 2(a), lengkapkan jadual perbandingan fungsi simpan kira dan perakaunan di bawah.

Aspek	Perakaunan	Simpan Kira
Skop	Meliputi skop yang lebih luas	Meliputi skop yang lebih kecil
Tujuan	Menyediakan maklumat kewangan yang menyeluruh untuk tujuan membuat keputusan, pelaporan dan analisis.	Merekodkan urus niaga syarikat secara sistematik.
Kandungan kerja	Termasuk simpan kira, penyediaan penyata kewangan, pengiraan kos, penyediaan bajet, percutaiaan dan audit.	Merekodkan urus niaga harian seperti jualan, pembelian, penerimaan bayaran dan pembayaran.

(Terima mana-mana jawapan yang munasabah)

MODUL

2

Klasifikasi Akaun dan Persamaan Perakaunan

2.1

Komponen Penyata Pendapatan dan Penyata Kedudukan Kewangan

PBD Formatif

Buku Teks ms. 36 – 39

1. Lengkapkan jadual di bawah berdasarkan akaun-akaun yang berikut.

SP
2.1.1
2.1.2

- Kenderaan Ambilan Alat tulis Inventori akhir Komisen diterima
- Kadar bayaran Inventori awal Diskaun diberi Sewa Pulangan belian
- Faedah diterima Modal awal Bank Pinjaman Gaji
- Angkutan masuk Belanja am Akaun Belum Bayar Jualan Akaun Belum Terima
- Angkutan keluar Pulangan jualan Faedah pinjaman Bangunan Tunai

TP 1 TP 4

Nota Xpress



Penyata Kewangan	Komponen	Akaun
Akaun Perdagangan	Jualan Bersih	Jualan, Pulangan jualan
	Kos Jualan	Inventori awal, Pulangan belian, Angkutan masuk
Akaun Untung Rugi	Hasil	Komisen diterima, Faedah diterima
	Belanja	Kadar bayaran, Diskaun diberi, Sewa, Gaji, Belanja am, Angkutan keluar, Faedah pinjaman
Penyata Kedudukan Kewangan	Aset Bukan Semasa	Kenderaan, Bangunan
	Aset Semasa	Alat tulis, Inventori akhir, Bank, Akaun Belum Terima, Tunai
	Liabiliti Bukan Semasa	Pinjaman
	Liabiliti Semasa	Akaun Belum Bayar
	Ekuiti Pemilik	Ambilan, Modal awal

2.2 Item Setiap Komponen Penyata Pendapatan dan Penyata Kedudukan Kewangan

2. Lengkapkan jadual di bawah.

TP 2

SP
2.2.1

Item	Definisi	Jenis	Definisi
Hasil	Pendapatan perniagaan yang dijana sama ada melalui operasi perniagaan atau bukan operasi perniagaan.	Hasil operasi	Pendapatan yang diperoleh daripada aktiviti utama perniagaan.
		Hasil bukan operasi	Pendapatan yang diperoleh daripada aktiviti yang tidak berkaitan dengan aktiviti utama perniagaan.
Belanja	Perbelanjaan yang dibayar oleh perniagaan dalam menjalankan operasi perniagaan.	Belanja operasi	Perbelanjaan yang terlibat secara langsung dalam aktiviti utama perniagaan.
		Belanja bukan operasi	Perbelanjaan yang tidak terlibat secara langsung dalam aktiviti utama perniagaan.
Aset	Harta yang dimiliki oleh perniagaan untuk menjalankan perniagaan.	Aset semasa	Harta yang boleh ditukar menjadi tunai dalam tempoh setahun kewangan.
		Aset bukan semasa	Harta yang boleh tahan lama dan digunakan untuk menjalankan perniagaan.
Liabiliti	Hutang perniagaan kepada pihak luar.	Liabiliti semasa	Hutang perniagaan yang perlu dijelaskan dalam tempoh setahun kewangan.
		Liabiliti bukan semasa	Hutang perniagaan yang boleh dijelaskan dalam tempoh lebih daripada satu tahun kewangan.
Ekuiti pemilik	Hutang perniagaan terhadap pemilik atau tuntutan pemilik terhadap aset perniagaan.	Modal	Sumbangan pelaburan yang dimasukkan dalam perniagaan oleh pemilik.
		Untung / Rugi	Untung atau rugi yang didapati daripada aktiviti perniagaan.
		Ambilan	Keluaran aset daripada perniagaan oleh pemilik untuk kegunaan sendiri.



3. Kenal pasti sama ada item berikut ialah aset, liabiliti, ekuiti pemilik, hasil atau belanja dengan menandakan (✓) pada kolom yang berkenaan.

	Aset	Liabiliti	Ekuiti Pemilik	Hasil	Belanja
(a) Premis perniagaan	✓				
(b) Pinjaman daripada Bank Jayadiri		✓			
(c) Bayaran bil internet pejabat					✓
(d) Modal yang dilaburkan dalam perniagaan			✓		
(e) Ambilan tunai untuk kegunaan peribadi			✓		
(f) Hutang oleh pelanggan	✓				
(g) Van digunakan untuk urusan perniagaan	✓				
(h) Penerimaan wang daripada pelanggan				✓	
(i) Bayaran sewa pejabat					✓
(j) Ambilan barang niaga untuk kegunaan keluarga			✓		
(k) Pinjaman kepada pemandu van pejabat	✓				
(l) Membeli alat tulis pejabat					✓
(m) Bil elektrik belum bayar		✓			
(n) Komisen belum terima	✓				
(o) Pembayaran faedah atas overdraf bank					✓
(p) Hutang kepada pembekal		✓			
(q) Pelaburan tambahan oleh pemilik			✓		
(r) Komputer persendirian dibawa masuk untuk kegunaan pejabat			✓		
(s) Penerimaan sewa				✓	
(t) Overdraf bank		✓			

VIDEO



Aset, Liabiliti,
Ekuiti Pemilik,
Hasil dan Belanja

4. Urus niaga berikut adalah berkaitan dengan perniagaan Nirmala, seorang penjual kain batik. Bagi setiap urus niaga, tandakan (✓) di lajur-lajur yang berkenaan.

SP
2.2.3
2.2.5

TP 3

	Butir	Belanja Operasi	Belanja Bukan Operasi	Hasil Operasi	Hasil Bukan Operasi
(a)	Penerimaan wang daripada pelanggan			✓	
(b)	Faedah atas pinjaman		✓		
(c)	Belanja memperluaskan kedai		✓		
(d)	Membeli bahan pembungkusan	✓			
(e)	Bayaran membaiki komputer	✓			
(f)	Penerimaan komisen			✓	
(g)	Membeli pelbagai kain batik untuk jualan	✓			
(h)	Menerima tunai kerana jualan van lama				✓



Perniagaan yang berorientasikan barang ialah perniagaan yang menjual barang niaga. Perniagaan yang berorientasikan perkhidmatan pula merupakan perniagaan yang kegiatan utamanya ialah memberikan perkhidmatan kepada pelanggan. Sifat perniagaan yang berbeza menyebabkan hasil dan belanja perniagaan yang berorientasikan barang dan perkhidmatan turut berbeza.

5. Berdasarkan pernyataan di atas, lengkapkan jadual berikut dengan membezakan item hasil operasi, hasil bukan operasi, belanja operasi dan belanja bukan operasi antara dua perniagaan di bawah.

SP
2.2.6

TP 4

		Kedai Perabot Chin	Klinik Pergigian Utama
Hasil	Hasil operasi	<ul style="list-style-type: none"> • Jualan perabot kepada pelanggan 	<ul style="list-style-type: none"> • Bayaran perkhidmatan untuk mencabut gigi • Bayaran untuk mencuci gigi
	Hasil bukan operasi	<ul style="list-style-type: none"> • Faedah simpanan tetap • Jualan aset bukan semasa 	<ul style="list-style-type: none"> • Jualan berus gigi • Komisen jualan produk pembersihan gigi
Belanja	Belanja operasi	<ul style="list-style-type: none"> • Belian perabot • Bayaran gaji pekerja 	<ul style="list-style-type: none"> • Pembelian bahan penampalan gigi • Bayaran gaji pekerja
	Belanja bukan operasi	<ul style="list-style-type: none"> • Rugi atas pelupusan aset bukan semasa • Faedah atas pinjaman 	<ul style="list-style-type: none"> • Belanja susut nilai perabot • Faedah atas overdraf bank

(Terima jawapan lain yang munasabah)

6. Jawab soalan berdasarkan situasi yang diberikan.

SP
2.2.9
2.2.12

Kes 1

Apex Komputer merupakan kedai yang menjual pelbagai jenis komputer dan perisian komputer. Pemilik telah membeli 20 unit komputer baharu dari pembekalnya. Dua daripada komputer yang baharu tersebut telah digunakan dalam kedai untuk urusan harian. Kerani akaun telah mencatatkan 18 unit komputer baharu sebagai Aset Semasa dan 2 unit komputer sebagai Aset Bukan Semasa perniagaan.

- (a) Adakah catatan kerani akaun tersebut betul? Terangkan sebab kerani akaun membuat catatan sedemikian.

Catatan kerani akaun adalah betul. Ini adalah kerana perniagaan tersebut adalah perniagaan yang menjual komputer, maka komputer merupakan inventori barang niaga kepada Apex Komputer. Jadi 18 unit komputer baharu tersebut merupakan Aset Semasa. Dua unit komputer yang digunakan dalam urusan harian perniagaan pula tidak digunakan sebagai barang niaga, maka harus dicatatkan sebagai Aset Bukan Semasa perniagaan.

Kes 2

Encik Muruga, pemilik Sweet Bakery, telah membeli 3 unit komputer dari Apex Komputer. Dua unit komputer telah digunakan di dalam kedai, manakala satu unit komputer telah dibawa balik rumah untuk kegunaan keluarga.

- (b) Berapakah unit komputer akan dicatatkan sebagai aset oleh Sweet Bakery?

2 unit

- (c) Komputer yang dicatatkan sebagai aset tersebut merupakan Aset Semasa atau Aset Bukan Semasa? Mengapa?

Dua unit komputer tersebut harus dicatatkan sebagai Aset Bukan Semasa kerana ia tidak dijual kepada pelanggan tetapi digunakan untuk urusan harian perniagaan.

Kes 3

Kerani akaun Syarikat Mudah Beli perlu mencatatkan pinjaman berikut dalam buku perakaunan syarikat.

Pinjaman dari	Tempoh Matang Pinjaman
Bank ABC	30 Nov 2026
Bank XYZ	30 Nov 2030

Tempoh perakaunan Syarikat Mudah Beli berakhir 31 Disember setiap tahun.

- (d) Pinjaman yang manakah akan dikategorikan sebagai Liabiliti Semasa bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025? Mengapa?

Pada akhir tahun 31 Disember 2025, pinjaman dari Bank ABC akan dikategorikan sebagai Liabiliti Semasa kerana pinjaman tersebut harus dijelaskan dalam tempoh kurang daripada 12 bulan.

2.3 Persamaan Perakaunan

7. Lengkapkan persamaan perakaunan berikut:

TP 1

SP
2.3.1
2.3.4

(a) Aset = +

(b) Aset = + + -

(c) Aset = + +

8. Pada 1 Jun 2025, Puan Norlia telah melabur tunai berjumlah RM15 000 untuk perniagaannya. Urus niaga pada bulan Jun 2025 adalah seperti berikut:

TP 3

SP
2.3.2
2.3.3

2025

- Jun 4 Membeli kenderaan berharga RM8 000 dengan bayaran tunai RM3 000 dan bakinya dengan pinjaman bank.
- 8 Belian barang niaga berjumlah RM2 000 secara tunai.
- 17 Mengeluarkan barang niaga bernilai RM100 untuk kegunaan peribadi.
- 20 Membeli peralatan berharga RM500 secara tunai.
- 28 Belian barang niaga secara kredit RM700 daripada Pembekal Zazali.

Anda dikehendaki merekodkan urus niaga di atas dengan format persamaan perakaunan tanpa hasil dan belanja. Kemudian menghitung nilai aset, liabiliti dan ekuiti pemilik pada 30 Jun 2025.

Tarikh	Aset				Liabiliti + Ekuiti Pemilik		
	Kenderaan	Tunai	Inventori	Peralatan	Pinjaman	Modal	Akaun Belum Bayar
2025	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Jun 1		15 000				15 000	
4	8 000	(3 000)			5 000		
8		(2 000)	2 000				
17			(100)			(100)	
20		(500)		500			
28			700				700
	8 000	9 500	2 600	500	5 000	14 900	700
		20 600				20 600	

Aset = RM20 600

Liabiliti = RM5 000 + RM700 = RM5 700

Ekuiti Pemilik = RM14 900

9. Maklumat berikut menunjukkan urus niaga perniagaan Chee Siong dalam bulan Januari 2025. **TP 3**

2025

- Jan. 1 Memulakan perniagaan dengan tunai RM30 000 sebagai modal.
 3 Membeliengkapan kedai RM4 750 secara kredit.
 4 Membeli barang RM1 700 dengan tunai.
 7 Membeli van RM15 000 secara kredit.
 15 Memindah tunai RM20 000 ke dalam akaun bank.
 22 Membayar cek RM3 000 kepada Akaun Belum Bayar lengkapan kedai yang telah dibeli pada 3 Januari.
 25 Menjual sebuah lengkapan kedai berkos RM180 kepada Kedai Roslan secara kredit.
 30 Membeli barang RM2 750 secara kredit.

Anda dikehendaki melengkapkan jadual persamaan berikut untuk menunjukkan kesan urus niaga pada bulan Januari 2025.

Tarikh	Aset						Liabiliti	Ekuiti Pemilik
	Tunai	Bank	Lengkapan	Van	Inventori	Akaun Belum Terima	Akaun Belum Bayar	Modal
2025	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Jan. 1	30 000							30 000
3			4 750				4 750	
4	(1 700)				1 700			
7				15 000			15 000	
15	(20 000)	20 000						
22		(3 000)					(4 750)	1 750
25			(180)			180		
30					2 750		2 750	
Baki	8 300	17 000	4 570	15 000	4 450	180	17 750	31 750
	49 500						49 500	

VIDEO



Persamaan
Perakaunan

10. Maklumat berikut dipetik daripada buku Syarikat Suraya pada 30 Jun 2025.

TP 4

TP 5

SP
2.3.5
2.3.6

Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 2025

	RM		RM
Premis	20 000	Modal	30 000
Perabot	4 740	Akaun Belum Bayar	1 720
Inventori	3 380	Overdraf Bank	1 780
Akaun Belum Terima	3 550	Belanja Belum Bayar	140
Tunai	1 970		
	33 640		33 640

Urus niaga berikut berlaku pada sepanjang bulan Julai 2025.

- Jul. 1 Pemilik memasukkan van peribadinya yang bernilai RM12 000 untuk kegunaan jurujualnya.
- 3 Membayar belanja belum bayar dengan tunai.
- 4 Belian barang niaga secara kredit RM2 300.
- 8 Isteri pemilik telah mengambil barang RM150 untuk kegunaan keluarga.
- 13 Seorang pelanggan telah membayar cek RM560 untuk menjelaskan hutangnya RM600 dengan penuh. Cek dibankkan.
- 18 Membayar Akaun Belum Bayar dengan cek RM2 000 dan menerima diskaun RM250.
- 20 Menerima sekeping cek bernilai RM2 500 daripada Akaun Belum Terima.
- 24 Salmi memulangkan barang niaga bernilai RM300 kerana rosak.
- 26 Menjual perabot lama yang mempunyai nilai buku RM540 pada harga RM400. Hasil jualan dibankkan.
- 29 Menerima pinjaman sebanyak RM30 000. 5% daripada pinjaman tersebut digunakan untuk membayar gaji pekerja. Bakinya digunakan untuk membeli sebuah kenderaan terpakai.
- 30 Membayar kadar bayaran RM480 dengan cek.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Jadual persamaan perakaunan untuk menunjukkan kesan setiap urus niaga ke atas aset, liabiliti, dan ekuiti pemilik.

Tarikh	Premis	Perabot	Inventori	Akaun Belum Terima	Kenderaan	Tunai	Bank	Akaun Belum Bayar	Belanja Belum Bayar	Pinjaman	Modal
2025	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Jul. 1											

- (b) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Julai 2025.

11. Maklumat berikut diperolehi dari Syarikat William Berhad pada 31 Disember 20X0.

SP
2.3.7

	RM
Kenderaan	22 000
Angkutan Masuk	550
Ambilan	1 160
Akaun Belum Terima	5 680
Akaun Belum Bayar	2 340
Lekapan	5 000
Inventori, 1 Januari 20X0	2 590
Belian	25 080
Tunai	1 070
Jualan	57 600
Pulangan Jualan	180
Gaji	3 150
Sewa Dibayar	3 200
Pulangan Belian	150
Insurans	800
Bank	10 350
Belanja Am	2 200
Diskaun Diberi	450
Diskaun Diterima	450
Modal	22 920

Inventori akhir dinilai pada RM2 870.

Anda dikehendaki menyediakan:

- Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 20X0.
- Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 20X0.
- Apakah kesan ambilan terhadap persamaan perakaunan?

Ambilan akan menyebabkan aset dan ekuiti pemilik perniagaan berkurangan.

2.4 Catatan Kontra dan Carta Akaun

12. Menjelaskan maksud Catatan Kontra.

SP 2.4.1 **Catatan Kontra ialah catatan yang mengurangkan baki akaun yang berkaitan dengannya.**

13. Padankan Catatan Kontra dengan Akaun Induk. Tunjukkan kesan Catatan Kontra terhadap Akaun Induk dalam bentuk angka.

SP 2.4.2
2.4.3

Akaun Induk	Catatan Kontra	Kesan Catatan Kontra terhadap Akaun Induk
Akaun Premis RM200 000	Peruntukan Hutang Ragu RM320	Baki Akaun Belum Terima: RM5 180
Akaun Belum Terima RM5 500	Pulangan Masuk RM400	Baki Jualan: RM44 600
Akaun Modal RM50 000	Susut Nilai Terkumpul Premis RM20 000	Baki Akaun Premis: RM180 000
Akaun Jualan RM45 000	Ambilan RM1 000	Baki Akaun Modal: RM49 000
Akaun Belian RM26 500	Pulangan Keluar RM650	Baki Belian: RM25 850

14. Berdasarkan jawapan anda dalam Soalan 13, apakah kesan terhadap akaun sekiranya Catatan Kontra tidak dilakukan?

SP 2.4.4 **Jika Catatan Kontra tidak dilakukan, nilai akaun induk akan terlebih nyata.**



15. Apakah yang dimaksudkan oleh Carta Akaun? TP 2

SP
2.4.5

Carta Akaun merupakan satu senarai nama akaun-akaun dalam Lejar Am yang digunakan oleh perniagaan. Carta Akaun disusun mengikut nombor atau huruf abjad mengikut kesesuaian perniagaan untuk tujuan perekodan dalam sistem perekodan berkomputer.

16. Senaraikan fungsi Carta Akaun dalam perisian perakaunan. TP 2

SP
2.4.6

- (a) Digunakan bagi memudahkan pengeposan urus niaga ke lejar secara konsisten.
- (b) Berfungsi sebagai tapak dalam sistem perakaunan yang digunakan untuk mencatat nama akaun, menambah akaun, menukar nama dan memberi maklumat tambahan kepada akaun.
- (c) Digunakan supaya perisian komputer dapat mengenal pasti akaun.

17. Maklumat berikut menunjukkan akaun-akaun lejar bagi Perniagaan Hebat. TP 3

SP
2.4.7

Pinjaman	Tunai	Premis	Modal	Gaji
Sewa Diterima	Hutang Ragu	Akaun Belum Terima	Simpanan Tetap	Kenderaan
Gaji Belum Bayar	Ambilan	Komisen Diterima	Akaun Belum Bayar	Jualan
Inventori	Belian	Kadar Bayaran	Promosi	Pulangan Belian

Bina satu carta akaun bagi perniagaan tersebut.

Kod item	Nama akaun
1101	Premis
1102	Kenderaan
1103	Simpanan Tetap
1201	Tunai
1202	Inventori
1203	Akaun Belum Terima
2101	Pinjaman
2102	Akaun Belum Bayar
2103	Gajii Belum Bayar
3001	Modal
4001	Jualan
4002	Sewa Diterima
4003	Komisen Diterima

Kod item	Nama akaun
5001	Belian
5002	Hutang Ragu
5003	Belanja Promosi
5004	Kadar Bayaran
5005	Gaji
6001	Ambilan
6002	Pulangan Belian

(Terima jawapan lain yang munasabah)

KERTAS 1

2.1 **Komponen Akaun Perdagangan dan Untung Rugi dan Penyata Kedudukan Kewangan**

1. Apakah komponen yang terdapat di dalam Penyata Pendapatan?

TP 1
Buku Teks
ms. 36

- I Aset
- II Liabiliti
- III Hasil
- IV Belanja
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan IV
- D III dan IV

2. Apakah fungsi Penyata Kedudukan Kewangan?

Buku Teks
ms. 38

- A Menentukan keuntungan atau kerugian perniagaan dalam tempoh kewangan yang tertentu
- B Memastikan kedudukan kewangan sesuatu perniagaan pada tarikh tertentu
- C Menunjukkan jumlah hutang perniagaan terhadap pemilik perniagaan
- D Menyemak ketepatan catatan bergu dalam perniagaan

2.2 **Item Setiap Komponen Akaun Perdagangan dan Untung Rugi dan Penyata Kedudukan Kewangan**

3. Apakah ciri yang merujuk kepada belanja operasi?

Buku Teks
ms. 41

- I Menambahkan nilai aset bukan semasa
- II Diperlukan untuk menjalankan perniagaan harian
- III Dicaj sebagai belanja bagi tempoh kewangan lepas
- IV Mengurangkan keuntungan perniagaan tempoh semasa
- A I dan III
- B I dan IV
- C II dan III
- D II dan IV

4. Apakah hasil operasi bagi sebuah kedai yang menjual kain?

TP 3
Buku Teks
ms. 40

- A Jualan kain
- B Sewa diterima
- C Faedah diterima
- D Untung jualan perabot

5. Apakah butir yang termasuk dalam hasil operasi perniagaan?

TP 3
Buku Teks
ms. 40

- I Dividen diterima
- II Jualan barang niaga
- III Hasil perkhidmatan
- IV Faedah simpanan bank
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

6. Pilih padanan yang betul.

TP 3
Buku Teks
ms. 40-45

	Pengelasan	Butir
I	Aset	Pinjaman
II	Hasil	Simpanan tetap
III	Belanja	Insurans
IV	Liabiliti	Overdraf bank

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

7. Berikut merupakan ciri-ciri aset.

TP 3
Buku Teks
ms. 43

- Nilai susut jangka panjang.
- Diperlukan untuk operasi perniagaan

Apakah aset tersebut?

- A Tunai
- B Bangunan
- C Inventori
- D Akaun Belum Terima

8. Antara berikut, yang manakah Aset Semasa?

TP 3
Buku Teks
ms. 43

- A Sewa belum bayar
- B Tanah dan bangunan
- C Akaun Belum Terima
- D Overdraf bank

9. Apakah butiran yang merupakan liabiliti bukan semasa?

TP 3
Buku Teks
ms. 44

- I Pinjaman
- II Gadai janji
- III Overdraf bank
- IV Simpanan tetap
- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

10. Apakah butir yang merupakan liabiliti semasa?

TP 3

Buku Teks
ms. 44

- I Inventori alat tulis
II Overdraif bank
III Inventori akhir
IV Akaun Belum Bayar
A I dan II C II dan IV
B I dan III D III dan IV

11. Apakah ciri aset bukan semasa?

TP 3

Buku Teks
ms. 43

- I Mudah ditukar kepada tunai
II Dimiliki bukan bertujuan untuk dijual
III Boleh digunakan untuk jangka masa yang pendek
IV Boleh digunakan untuk jangka masa yang panjang
A I dan II C II dan IV
B I dan III D III dan IV

12. X adalah hutang perniagaan yang tidak perlu dijelaskan dalam satu tempoh kewangan. Apakah kemungkinan bagi X?

TP 3

Buku Teks
ms. 44

- A Akaun Belum Bayar
B Overdraif bank
C Pinjaman bercagar
D Akaun Belum Terima

13. Pemilik Kedai Komputer Icom telah berkunjung ke Kedai Perabot Chengal untuk membeli rak pameran. Kedai Perabot Chengal menggunakan komputer untuk merekod urus niaga perniagaan.

TP 3

Berdasarkan situasi di atas, klasifikasi akaun yang manakah tepat untuk kedua-dua perniagaan?

	Perniagaan	Aset Semasa	Aset Bukan Semasa
I	Kedai Perabot Chengal	Inventori – Perabot	Alatan Pejabat
II	Kedai Perabot Chengal	Inventori – Alatan Pejabat	Perabot
III	Kedai Komputer Icom	Inventori – Alatan Pejabat	Perabot
IV	Kedai Komputer Icom	Inventori – Perabot	Alatan Pejabat

- A I dan II C II dan IV
B I dan III D III dan IV

14. Maklumat berikut merupakan komponen Penyata Kedudukan Kewangan.

TP 3

Buku Teks
ms. 46

- Merupakan hutang perniagaan terhadap pemilik.
- Akan bertambah sekiranya pemilik membawa masuk modal tambahan.
- Akan berkurang sekiranya pemilik membuat ambilan.

Apakah komponen Penyata Kedudukan Kewangan yang dinyatakan dalam maklumat tersebut?

- A Liabiliti Semasa
B Aset Semasa
C Modal Kerja
D Ekuiti Pemilik

2.3 Persamaan Perakaunan

15. Urus niaga berikut berlaku dalam Kedai Perabot Naza.

TP 3

Buku Teks
ms. 47

Pemilik menggunakan wang peribadi untuk membeli 10 unit meja untuk perniagaan.

Apakah kesan urus niaga tersebut ke atas persamaan perakaunan?

	Aset	Liabiliti	Ekuiti Pemilik
A	Bertambah	Tiada kesan	Tiada kesan
B	Tiada kesan	Bertambah	Tiada kesan
C	Bertambah	Tiada kesan	Bertambah
D	Tiada kesan	Bertambah	Bertambah

16. Persamaan perakaunan yang manakah betul?

TP 1

Buku Teks
ms. 47

- I Aset + Modal = Liabiliti
II Liabiliti + Modal = Aset
III Aset – Liabiliti = Modal
IV Liabiliti + Aset = Modal
A I dan III
B I dan IV
C II dan III
D II dan IV

17. Urus niaga berikut diperoleh daripada Kedai Runcit Pak Su.

TP 3

Buku Teks
ms. 47

Membayar hutang kepada Alif Enterprise RM3 560 dengan cek dan menerima diskaun RM330.

Apakah kesan urus niaga di atas terhadap persamaan perakaunan?

	Aset	Liabiliti	Ekuiti Pemilik
A	Berkurang RM3 230	Berkurang RM3 560	Bertambah RM330
B	Bertambah RM3 890	Bertambah RM3 560	Bertambah RM330
C	Bertambah RM3 230	Bertambah RM3 560	Berkurang RM330
D	Berkurang RM3 890	Berkurang RM3 560	Berkurang RM330

18. Maklumat berikut diambil daripada perniagaan Bagong Sdn. Bhd.

TP 3
Buku Teks
ms. 47

Barang niaga pada harga kos RM2 860 dijual secara kredit pada harga RM3 330.

Apakah kesan urus niaga tersebut ke atas aset dan ekuiti pemilik?

	Aset		Ekuiti Pemilik
	Inventori	Akaun Belum Terima	Modal
A	Berkurang	Bertambah	Bertambah
B	Berkurang	Bertambah	Berkurang
C	Bertambah	Berkurang	Berkurang
D	Bertambah	Bertambah	Berkurang

19. Urus niaga berikut telah berlaku dalam perniagaan Kedai Kasut Samantha.

TP 3
Buku Teks
ms. 47

Samantha menerima cek RM3 260 daripada pelanggannya dan memberi diskaun tunai sebanyak RM150.

Apakah kesan urus niaga tersebut terhadap persamaan perakaunan?

	Aset (RM)	Liabiliti (RM)	Ekuiti Pemilik (RM)
A	(3 260)	(3 410)	150
B	3 410	3 260	150
C	(150)	–	(150)
D	(3 260)	(3 110)	(150)

20. Nilai yang manakah menepati persamaan perakaunan?

Buku Teks
ms. 47

	Liabiliti (RM)	Aset (RM)	Modal (RM)
A	1 440	5 760	7 200
B	7 920	3 600	4 320
C	2 880	8 640	11 520
D	2 880	11 520	8 640

21. Berikut merupakan kesan satu urus niaga terhadap persamaan perakaunan yang diperoleh daripada Pasaraya Mega Ria.

Buku Teks
ms. 47

Aset	Liabiliti	Ekuiti Pemilik
RM –1 850	RM –2 000	RM + 150

Pernyataan yang manakah menunjukkan urus niaga tersebut?

- A** Menjual barang berkos RM1 850 pada harga RM2 000 secara kredit
- B** Membeli perabot bernilai RM2 000 secara kredit pada harga RM1 850
- C** Membayar RM1 850 untuk menjelaskan hutang sebanyak RM2 000
- D** Menerima RM1 850 daripada seorang pelanggan dan memberi diskaun RM150

22. Maklumat berikut menunjukkan kesan terhadap persamaan perakaunan.

TP 3
Buku Teks
ms. 47

Aset	Liabiliti	Ekuiti
Berkurang	Berkurang	Bertambah

Urus niaga yang manakah menepati kesan berkenaan?

- A** Membeli sebuah kenderaan bernilai RM8 500 yang dibiayai oleh satu pinjaman RM10 000 daripada Bank Berjaya. Baki wang itu dibankkan
- B** Membuat bayaran kepada Akaun Belum Bayar dengan cek bernilai RM1 235 setelah menerima diskaun RM65
- C** Inventori berkos RM520 dijual secara tunai dengan harga RM760. Wang itu telah dibankkan
- D** Membayar insurans belum bayar RM290 dan Akaun Belum Bayar RM2 260

2.4 Catatan Kontra dan Carta Akaun

23. Pernyataan yang manakah merujuk kepada Akaun Kontra?

Buku Teks
ms. 58

- I Akaun kontra-aset mempunyai baki kredit
 - II Baki akaun kontra tidak perlu diselaraskan
 - III Akaun kontra selalu mempunyai baki debit
 - IV Akaun kontra-liabiliti mempunyai baki debit
- A** I dan II **C** II dan III
B I dan IV **D** III dan IV

24. Butir yang manakah merupakan Akaun Kontra?

Buku Teks
ms. 55

- A** Belian
- B** Jualan
- C** Inventori akhir
- D** Ambilan

25. Pilih pasangan yang betul.

TP 3

Buku Tekst
ms. 55

	Aset	Liabiliti	Ekuiti Pemilik
A	Bertambah	Tiada kesan	Tiada kesan
B	Tiada kesan	Bertambah	Tiada kesan
C	Bertambah	Tiada kesan	Bertambah
D	Tiada kesan	Bertambah	Bertambah

26. Urus niaga berikut berlaku dalam sebuah perniagaan.

TP 4

Buku Tekst
ms. 57

P	Q
Pemilik mengambil barang niaga untuk kegunaan keluarga.	Pemilik membawa masuk komputer peribadi untuk kegunaan perniagaan.

Apakah kesan urus niaga P dan Q terhadap Akaun Modal?

	P	Q
A	Bertambah	Bertambah
B	Berkurang	Berkurang
C	Bertambah	Berkurang
D	Berkurang	Bertambah

27. Pernyataan yang manakah merujuk kepada carta akaun?

TP 2

Buku Tekst
ms. 58

- I Sistem penyenaian akaun dalam lejar
 II Sistem penyenaian akaun dari lejar am
 III Carta yang menyenaraikan tajuk sebahagian akaun
 IV Carta yang menyenaraikan tajuk semua akaun
- A I dan II C II dan III
 B I dan IV D III dan IV

28. Maklumat berikut ialah carta akaun yang diambil dari sistem perakaunan berkomputer Syarikat Limbang.

Buku Tekst
ms. 58

Nombor	Jenis Akaun
1 000 – 1 999	Aset Bukan Semasa
2 000 – 2 999	Aset Semasa
3 000 – 3 999	Liabiliti
4 000 – 4 999	Kos Jualan

Apakah nombor kod bagi Akaun Angkutan Masuk?

- A 1 005 C 3 005
 B 2 005 D 4 005

KERTAS 2

1. Apakah kesan urus niaga berikut kepada persamaan perakaunan?

Membayar cek RM1 850 untuk menjelaskan hutang sebanyak RM2 000.

[2 markah]

2. Apakah yang dimaksudkan dengan belanja bukan kendalian yang terdapat dalam Akaun Untung Rugi? Berikan contoh. [2 markah]

3. Peniaga Larry telah menjalankan urus niaga berikut sepanjang bulan Jun 2026.

2026

- Jun 1 Memulakan perniagaan dengan tunai RM10 000.
 3 Membeli alatan pejabat berharga RM1 800 secara tunai.
 7 Belian kredit RM1 300 daripada Syarikat Effi.
 10 Bayar belanja am secara tunai RM100.
 15 Jualan barang niaga bernilai RM500 secara tunai dengan harga RM800.
 18 Ambilan barang niaga bernilai RM160 untuk kegunaan peribadi.
 21 Jualan kredit barang bernilai RM300 dengan harga RM500.
 24 Belian barang niaga bernilai RM400 secara tunai.
 29 Bayar RM800 untuk menjelaskan sebahagian hutang Syarikat Effi.

Anda dikehendaki menunjukkan kesan setiap urus niaga terhadap aset, liabiliti dan ekuiti pemilik dalam bentuk jadual. [10 markah]

4. Maklumat berikut diambil daripada buku perakaunan Bermuda Enterprise pada 1 Mei 20X0.

	RM		RM
Perabot	7 870	Modal	51 270
Inventori Barang Niaga	21 260	Untung Bersih	4 350
Akaun Belum Terima	14 490	Akaun Belum Bayar	13 350
Tunai di Bank	25 350		

Urus niaga sepanjang bulan Mei adalah seperti berikut:

- Mei 2 Sekeping cek RM4 370 yang diterima daripada pelanggan telah dipulangkan oleh bank ditanda 'Baki tidak mencukupi'.
- 5 50% daripada inventori barang niaga dijual dengan harga RM12 250. Cek diterima untuk urus niaga ini.
- 10 Membayar kepada pembekal dengan cek RM9 520 bagi menyelesaikan hutang RM10 150.
- 12 Membeli barang niaga secara kredit daripada Miro Trading sebanyak RM7 350.
- 15 Memulangkan barang niaga kepada Miro Trading sebanyak RM350 kerana rosak.
- 20 Menerima cek RM2 850 untuk komisen.
- 24 Membayar sewa kedai RM1 930 menggunakan cek peribadi.
- 29 Pemilik mengambil meja pejabat RM520 untuk kegunaan anaknya.

Anda dikehendaki melengkapkan jadual persamaan berikut untuk menunjukkan kesan urus niaga pada bulan Mei 20X0.

Tarikh	Perabot	Inventori	Akaun Belum Terima	Bank	Modal	Untung Bersih	Akaun Belum Bayar
20X0	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Mei 1							

[12 markah]

5. Pada 31 Mac 2026, Aisyah seorang pemilik perniagaan milikan tunggal menyediakan maklumat berikut:

	RM
Perabot	4 110
Inventori	24 140
Bank	3 800
Tunai	1 250
Akaun Belum Terima	22 460
Modal	90 000
Akaun Belum Bayar	12 800
Pinjaman (matang Oktober 2026)	6 000

Urus niaga berikut telah berlaku sepanjang bulan April 2026.

- (i) Belian barang niaga secara kredit RM3 450.
- (ii) Seorang pelanggan kredit telah muflis. Hutangnya RM280 dihapuskan sebagai hutang lapuk.
- (iii) Menjelaskan sepenuhnya hutang RM10 320 kepada pembekal dengan cek RM10 200.
- (iv) Jualan barang niaga secara kredit RM13 420. Harga kos RM6 300.
- (v) Mengambil tunai RM310 untuk kegunaan sendiri.
- (vi) Menjelaskan faedah atas pinjaman RM260 dengan cek.
- (vii) Membayar belanja am RM190 menggunakan wang pemilik.
- (viii) Menerima cek daripada pelanggan kredit RM15 000.
- (ix) Membayar gaji RM1 500 dengan cek.
- (x) Menerima komisen RM160 dengan tunai.

Maklumat tambahan:

Inventori 30 April 2026 dinilai RM47 500 mengikut harga pasaran.

**Anda dikehendaki:**

- (a) Melengkapkan jadual persamaan yang berikut bagi menunjukkan kesan setiap urus niaga.

Tarikh	Perabot	Inventori	Bank	Tunai	Akaun Belum Terima	Modal	Akaun Belum Bayar	Pinjaman	Untung Bersih	Ambilan
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM

[13 markah]

- (b) Menyediakan Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 April 2026.

[12 markah]

6. Berikut ialah Penyata Kedudukan Kewangan Syarikat Parameswari pada 31 Mei 20X0.

Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Mei 20X0

	RM	RM		RM	RM
Aset Bukan Semasa			Ekuiti Pemilik		
Kenderaan	12 000		Modal		29 300
Alatan Pejabat	8 500				
Perabot	5 500	26 000	Liabiliti Semasa		
			Overdraf Bank	2 550	
Aset Semasa			Akaun Belum Bayar	3 680	
Tunai	2 350		Sewa Belum Bayar	320	6 550
Sewa Belum Terima	3 650				
Inventori Akhir	3 850	9 850			
		35 850			35 850

Urus niaga berikut berlaku selepas Penyata Kedudukan Kewangan itu disediakan:

- Membeli barang bernilai RM1 380 secara kredit.
- Sewa belum bayar dijelaskan dengan cek.
- Satu per lima daripada inventornya dijual secara kredit dengan harga RM1 450.
- Pinjaman sebanyak RM3 000 yang diterima telah digunakan untuk membeli sebuah komputer baharu.
- Pemilik syarikat, Parameswari mengeluarkan sebuah meja pejabat bernilai RM450 untuk kegunaan anaknya.
- Cek bernilai RM650 yang diterima daripada pelanggan tidak dilayan oleh bank.
- Membayar gaji secara tunai RM330.
- Barang bernilai RM250 dipulangkan kepada pembekal kerana rosak.
- Parameswari mengambil barang bernilai RM360 untuk kegunaan keluarganya.

Anda dikehendaki:

- (a) Menunjukkan kesan urus niaga di atas ke atas persamaan perakaunan.

[12 markah]

- (b) Mendraf semula Penyata Kedudukan Kewangan selepas mengambil kira kesan urus niaga di atas.

[5 markah]

7. Lengkapkan jadual di bawah.

Akaun Induk	Catatan Kontra
Akaun Aset Bukan Semasa	Susut Nilai Terkumpul Aset Bukan Semasa
Akaun Modal	Ambilan

[2 markah]

8. Carta akaun berikut digunakan oleh Perniagaan Sakura dalam penyimpanan akaun perniagaan.

Kod Item	Jenis Akaun
1 000 / 000	Aset bukan semasa
2 000 / 000	Aset semasa
3 000 / 000	Liabiliti bukan semasa
4 000 / 000	Liabiliti semasa
5 000 / 000	Ekuiti pemilik
6 000 / 000	Hasil
7 000 / 000	Belanja
8 000 / 000	Catatan kontra

Cadangkan Kod Item bagi Akaun Premis dan Akaun Ambilan.

[2 markah]

MODUL 3

Dokumen Perniagaan sebagai Sumber Maklumat

3.1 Dokumen Perniagaan

PBD Formatif

Buku Teks ms. 68 – 70

PPT


1. Lengkapkan ayat yang berikut dengan perkataan yang sesuai. TP 1

SP
3.1.1

Dokumen perniagaan merupakan dokumen bertulis urus niaga yang digunakan sebagai alat komunikasi antara penjual dengan pembeli. Ia merupakan satu-satunya bukti bertulis yang menunjukkan sesuatu urus niaga telah berlaku antara dua pihak.

2. Bina satu peta minda yang sesuai untuk menunjukkan kepentingan dokumen perniagaan. TP 1

SP
3.1.1



Nota Xpress



Terima jawapan lain yang munasabah

MODUL 4 Buku Catatan Pertama

4.1 Buku Catatan Pertama

PBD Formatif

Buku Teks ms. 96

1. Menjelaskan maksud Buku Catatan Pertama.

TP 2


SP
4.1.1

Buku Catatan Pertama ialah buku catatan asal yang merekodkan segala urusan niaga perniagaan.

2. Lengkapkan jadual di bawah.

TP 2

SP
4.1.2



3. Apakah kegunaan Buku Catatan Pertama?

SP
4.1.3

Buku Catatan Pertama dapat digunakan untuk meminimumkan kesilapan dan kesalahan yang berlaku dalam proses perakaunan.

Nota Xpress



MODUL 5

Lejar

5.1 Lejar

PBD Formatif

Buku Teks ms. 150 – 151

eP+PPT

1. Apakah tujuan menyediakan lejar?


TP 2

SP
5.1.1

Lejar digunakan untuk merekod semua urus niaga perniagaan.

2. Bina satu peta i-THINK yang menunjukkan jenis lejar.

TP 1



Nota Xpress



3. Lengkapkan jadual di bawah.

TP 4

Aspek Perbandingan		Lejar Am	Lejar Khas
Aspek persamaan	Kegunaan	Digunakan untuk merekod urus niaga perniagaan.	
	Cara perekodan	(a) Perekodan menggunakan Sistem Catatan Bergu.	
Aspek perbezaan	Fungsi	Merekod semua akaun kecuali Akaun Belum Terima dan Akaun Belum Bayar.	(b) Merekod semua urus niaga barang niaga secara kredit.
	Contoh Akaun dalam lejar	(c) Akaun Aset, Akaun Liabiliti, Akaun Hasil, Akaun Belanja, Akaun Modal	Akaun Belum Terima, Akaun Belum Bayar

MODUL 6

Imbangan Duga

6.1 Imbangan Duga

PBD Formatif

Buku Teks ms. 186 – 203


1. Apakah Imbangan Duga?

SP
6.1.1 Imbangan Duga merupakan senarai baki debit dan baki kredit yang diambil daripada akaun-akaun lejar pada suatu tarikh tertentu.

1. Add + ppt

2. Bina satu peta i-THINK untuk menunjukkan fungsi Imbangan Duga.

TP 1



Nota Xpress



TUTORIAL



Fungsi Imbangan Duga

7.1 Akaun Perdagangan dan Untung Rugi

PBD Formatif

Buku Teks ms. 224 – 231

TP 1

1. Isi tempat kosong dengan perkataan yang sesuai.

- SP 7.1.1** (a) Akaun Perdagangan disediakan untuk mengetahui (i) untung atau rugi kasar suatu perniagaan bagi satu tempoh perakaunan. Dalam akaun ini, hanya hasil jualan dan kos jualan direkodkan.
- Komponen hasil jualan terdiri daripada (ii) jualan dan (iii) pulangan jualan.
 - Komponen kos jualan seperti belian, pulangan belian, (iv) angkutan masuk, (v) insurans belian, (vi) duti import, inventori awal dan (vii) inventori akhir.
- (b) Akaun Untung Rugi disediakan untuk mengetahui (i) untung atau rugi bersih suatu perniagaan bagi satu tempoh perakaunan. Dalam akaun ini, komponen hasil dan komponen belanja perniagaan akan diambil kira.
- Contoh komponen hasil seperti (ii) faedah diterima, (iii) diskaun diterima, (iv) komisen diterima, dan (v) sewa diterima.
 - Contoh komponen belanja seperti (vi) diskaun diberi, (vii) gaji, (viii) sewa, dan (ix) kadar bayaran.

(Terima jawapan untuk komponen hasil dan belanja lain yang munasabah)

2. Lengkapkan rumus pengiraan berikut:

- SP 7.1.2**
- (a) $\text{Untung/Rugi Kasar} = \text{Jualan Bersih} - \text{Kos Jualan}$
- (b) $\text{Jualan Bersih} = \text{Jualan} - \text{Pulangan Jualan}$
- (c) $\text{Belian Bersih} = \text{Belian} - \text{Pulangan Belian}$
- (d) $\text{Kos Jualan} = \text{Inventori Awal} + \text{Kos Belian} - \text{Inventori Akhir}$
- (e) $\text{Kos Belian} = \text{Belian Bersih} + \text{Belanja Belian}$

Nota Xpress



MODUL 8

Pelarasan pada Tarikh Imbangan dan Penyediaan Penyata Kewangan Milikan Tunggal

8.1

Perakaunan Asas Tunai dan Perakaunan Asas Akruan serta Jenis-jenis Pelarasan

PBD Formatif

Buku Teks ms. 250 – 251

1. Lengkapkan jadual berikut.

TP 4

SP
8.1.1

Butiran	Asas Tunai	Asas Akruan
Hasil	Direkodkan apabila tunai diterima	(a) Direkodkan dalam tempoh diperolehi
Belanja	(b) Direkodkan apabila pembayaran tunai dilakukan	(c) Direkodkan dalam tempoh dibelanjakan
Hasil Belum Terima	Tidak terlibat	(d) Diiktirafkan sebagai hasil
Hasil Belum Terperolehi	(e) Tidak terlibat	(f) Tidak diiktirafkan sebagai hasil
Belanja Prabayar	(g) Tidak terlibat	(h) Tidak diiktirafkan sebagai belanja
Belanja Belum Bayar	(i) Tidak terlibat	(j) Diiktirafkan sebagai belanja
Untung	(k) Hasil diterima tolak belanja dibayar	Hasil sebenar tolak belanja sebenar

2. Tuliskan jawapan yang betul bagi pernyataan berikut.

SP
8.1.1

Perakaunan yang mengiktiraf dan merekodkan sesuatu urusan niaga dan peristiwa apabila tunai telah diterima dan dibayar dalam tempoh perakaunan tersebut.

(a) Perakaunan asas tunai

Perakaunan yang mengiktiraf sesuatu urusan niaga dan peristiwa apabila perkara tersebut berlaku dan direkodkan dalam rekod perakaunan berasaskan tempoh urusan niaga tersebut berlaku.

(b) Perakaunan asas akruan

Nota Xpress



MODUL 9 Pembetulan Kesilapan

9.1 Pembetulan Kesilapan

PBD Formatif

Buku Teks ms. 286 – 295

1. (a) Lengkapkan jadual di bawah dengan menandakan (✓) atau (X) pada kolom yang berkenaan. **TP 2**

SP
9.1.1

	Kesilapan Ketara	Kesilapan Tidak Ketara
Imbangan Duga seimbang?	X	✓
Kesilapan mudah dikesan?	✓	X

- (b) Berdasarkan jawapan anda di (a), terangkan maksud Kesilapan Ketara dan Kesilapan Tidak Ketara.

Kesilapan Ketara ialah kesilapan yang akan menyebabkan Imbangan Duga tidak seimbang dan kesilapan mudah dikesan. Kesilapan Tidak Ketara tidak akan memberikan kesan kepada keseimbangan Imbangan Duga, maka kesilapannya sukar dikesan.

2. Dengan menggunakan peta i-THINK yang sesuai, tunjukkan:

TP 1

SP
9.1.2

- (a) Kesilapan Ketara.



Nota Xpress



PENTAKSIRAN AKHIR TAHUN

Kertas 1

Skor

/100

(Masa: 1 jam 15 minit)

Arahan: Kertas soalan ini mengandungi **40** soalan. Jawab **semua** soalan. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan iaitu **A, B, C** dan **D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja.

1. Profession perakaunan di Malaysia dikawal oleh
- A Institut Akauntan Malaysia (MIA)
 - B Association of Certified Chartered Accountants (ACCA)
 - C Chartered Institute of Management Accountants (CIMA)
 - D Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA)

2. Antara berikut, siapakah yang bertanggungjawab ke atas Penyata Kewangan yang disediakan?
- I Juruaudit
 - II Akauntan
 - III Kerani akaun
 - IV Pengurus syarikat
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

3. Pada tahun kewangan 2026, Kedai Runcit Sri Raya masih merekod premis pada harga belian, iaitu RM220 000 walaupun harga pasaran ialah RM650 000.

Apakah konsep perakaunan yang terlibat?

- A Ketekalan
 - B Prinsip kos
 - C Kos manfaat
 - D Tempoh perakaunan
4. Maklumat di bawah menunjukkan ciri-ciri satu jenis perniagaan.

- Kewujudan berterusan
- Membayar untung dalam bentuk dividen
- Dijalankan berdasarkan sistem demokrasi
- Dikawal oleh Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalaman

Antara berikut, jenis perniagaan yang manakah menepati ciri-ciri itu?

- A Koperasi Mega Maju
- B Kedai Runcit Mega Maju
- C Syarikat Mega Maju Berhad
- D Syarikat Mega Maju Sendirian Berhad

5. Antara berikut, butir yang manakah merupakan komponen Penyata Kedudukan Kewangan?

- I Kos jualan
- II Aset semasa
- III Untung kasar
- IV Ekuiti pemilik

- A I dan III
- B I dan IV
- C II dan III
- D II dan IV

6. Apakah hasil kendalian bagi sebuah kedai yang menjual kerepek?

- A Sewa diterima
- B Jualan kerepek
- C Komisen diterima
- D Untung jualan van

7. Maklumat berikut menunjukkan aset dan liabiliti Syarikat Mutiara pada 30 September 2026.

	RM
Kenderaan	108 600
Inventori	21 900
Akaun Belum Terima	33 100
Akaun Belum Bayar	20 350
Gaji Prabayar	5 300
Sewa Belum Terperoleh	4 250

Hitungkan modal Syarikat Mutiara pada tarikh tersebut.

- A RM118 800
- B RM127 300
- C RM144 300
- D RM193 500

Kertas 2

(Masa: 2 jam 30 minit)

Arahan: *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B. Jawab semua soalan di Bahagian A dan dua soalan daripada Bahagian B.*

Bahagian A

[60 markah]

Jawab semua soalan.

1. (a) Nyatakan prinsip perakaunan yang dipatuhi dalam setiap situasi di bawah.
- Perniagaan merekodkan belian barang niaga secara kredit walaupun bayaran belum dibuat.
 - Laporan kewangan disediakan mengikut tempoh masa tertentu, contohnya setiap tahun berakhir pada 31 Disember.

[2 markah]

- (b) Catatkan urus niaga berikut di dalam Jurnal Am (abaikan keterangan).

Membeli sebuah komputer berharga RM2 860 daripada Syarikat Roan.

[2 markah]

- (c) Data berikut diperoleh daripada buku perniagaan Zena Fashion House.

	RM
Lekapan	8 390
Inventori	2 760
Akaun Belum Terima	4 520
Akaun Belum Bayar	3 270
Utiliti Belum Bayar	450

Hitungkan modal kerja Zena Fashion House.

[2 markah]

- (d) Maklumat berikut diperoleh daripada Syarikat Rakuten.

Kos jentera	RM128 400
Jangka usia kegunaan	8 tahun
Nilai skrap	RM6 160

Berapakah susut nilai tahunan jentera Syarikat Rakuten?

[2 markah]

- (e) Apakah kesilapan yang telah berlaku dalam situasi di bawah?

- Kedai Maju Jaya telah menerima bil elektrik sebanyak RM450, tetapi catatan tersebut langsung tidak direkodkan dalam mana-mana akaun.
- Bayaran kepada Ali sebanyak RM350 telah direkodkan dalam Akaun Ahmad.

[2 markah]